



## PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), mempelawa warganegara Malaysia yang memiliki ciri modal insan berilmu, berkeyakinan, berintegriti, berinovatif, berdaya kreatif, berdedikasi dan berkeperibadian cemerlang untuk mengisi kekosongan jawatan dalam pelbagai skim perkhidmatan di pusat-pusat pentadbiran MARA seluruh Malaysia. Kekosongan jawatan adalah seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1.	<p>PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV41)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK *(IKM BESUT, TERENGGANU) *(IKM KUALA LUMPUR) *(IKM BINTULU, SARAWAK) *(IKM KOTA KINABALU, SABAH)</li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK INDUSTRI *(KKTm PASIR MAS, KELANTAN)</li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KOMPUTER (KOMPUTASI AWAN) / (ANALISA DATA BESAR) / (SEKURITI) *(IKM BESUT, TERENGGANU) *(IKM LUMUT, PERAK) *(IKM SIK, KEDAH)</li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKATRONIK INDUSTRI *(KKTm BALIK PULAU, PULAU PINANG)</li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN GAS *(IKM JOHOR BAHRU, JOHOR)</li> </ul>	RM 2,322.00	RM 9,643.00

BIL.	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENYELENGGARAAN LOJI <b>*(KKTM LENGKONG, PERAK)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI PEMBUNGKUSAN DAN REKABENTUK <b>*(KKTM LENGKONG, PERAK)</b></li> <li>- BIDANG HERBA DAN HASILAN SEMULAJADI (PEMBUATAN) <b>*(KKTM LENGKONG, PERAK)</b></li> <li>- BIDANG HERBA DAN HASILAN SEMULAJADI (SAINS HERBA) <b>*(KKTM LENGKONG, PERAK)</b></li> </ul>	RM 2,322.00	RM 9,643.00
2.	<p>PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV29/30)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- BIDANG SENIBINA <b>*(IKM KOTA KINABALU, SABAH)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI MARIN <b>*(IKM BESERI, PERLIS)</b> <b>*(IKM KUCHING, SARAWAK)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI AUTOMOTIF <b>*(IKM KOTA KINABALU, SABAH)</b> <b>*(IKM LUMUT, PERAK)</b> <b>*(IKM TSYA, PAHANG)</b></li> </ul>	RM 1,549.00	RM 5,701.00
3.	<p>PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV19)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- BIDANG KEJURUTERAAN AWAM / BANGUNAN <b>*(KKTM SRI GADING, JOHOR)</b> <b>*(IKM SUNGAI PETANI, KEDAH)</b></li> </ul>	RM 1,377.00	RM 4,052.00

BIL	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN BOKIMIA (MAKANAN) <b>*(KKTm LENGKONG, PERAK)</b></li> <li>- BIDANG ELEKTRIK <b>*(IKM SEBERANG PERAI, PULAU PINANG)</b> <b>*(IKM TSYA, PAHANG)</b> <b>*(IKM JASIN, MELAKA)</b> <b>*(IKM JOHOR BAHRU, JOHOR)</b> <b>*(IKM KUALA LUMPUR)</b> <b>*(KKTm KEMAMAN, TERENGGANU)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI AUTOMOTIF <b>*(IKM BESERI, PERLIS)</b> <b>*(IKM BESUT, TERENGGANU)</b> <b>*(KKTm MASJID TANAH, MELAKA)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK / MEKATRONIK <b>*(KKTm KUANTAN, PAHANG)</b> <b>*(IKM TSYA, PAHANG)</b> <b>*(IKM LUMUT, PERAK)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENYAMANAN UDARA DAN PENYEJUKAN <b>*(IKM KUALA LUMPUR)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (LUKISAN REKABENTUK) <b>*(IKM BESUT, TERENGGANU)</b> <b>*(IKM TSYA, PAHANG)</b></li> <li>- BIDANG TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL / KIMPALAN <b>*(IKM JASIN, MELAKA)</b> <b>*(IKM TSYA, PAHANG)</b></li> <li>- BIDANG UPHOLSTERI <b>*(IKM SUNGAI PETANI, KEDAH)</b></li> <li>- BIDANG REKABENTUK GRAFIK <b>*(IKM SUNGAI PETANI, KEDAH)</b></li> <li>- BIDANG PERABOT <b>*(IKM TSYA, PAHANG)</b></li> </ul>		

BIL	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
4.	PENJAGA DANDANG (OPERASI LOJI) (GRED H11) <b>*(IKM BINTULU, SARAWAK)</b>	RM 1,377.00	RM 4,052.00

\* KEKOSONGAN HANYA DI PUSAT BERKENAAN SAHAJA

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:  
31 DISEMBER 2023**

### **SYARAT UTAMA LANTIKAN**

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Calon bagi lantikan jawatan 1 hingga 3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Calon bagi lantikan jawatan 4 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT LANTIKAN BAGI SETIAP JAWATAN**

#### **1. PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV41 (BAGI JAWATAN NO.1)**

- 1.1 i. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang teknologi kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41 : RM2,322.00); atau

- ii. Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41 : RM2,529.00).
- 1.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/30, DV35/36, DV37/38 dan DV39/40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred **DV42**. Tawaran ini adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan dan calon turut telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- i. mempunyai kelayakan di perenggan 1.1; atau
  - ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - iii. memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - iv. lulus peperiksaan kenaikan pangkat;
  - v. diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.
- 1.3 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Elektrik**.
- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Elektrik / Elektrik Kuasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 1.4 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Elektronik Industri**.
- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Elektronik / Elektronik (Elektronik Industri) / Elektrik dan Elektronik / Mikroelektronik / Automasi Elektronik Industri atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 1.5 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Teknologi Komputer (Komputasi Awan) / Teknologi Komputer (Analisa Data Besar) / Teknologi Komputer (Sekuriti)**.
- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) / Komputer dan Maklumat / Komputer / Rangkaian

Komputer / Komunikasi dan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.6 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Mekanik Industri.**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Mekanik / Elektronik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.7 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Automotif (Jentera Berat).**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Automotif / Mekanikal (Automotif) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.8 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Pembuatan Pintar.**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Mekanikal / Elektromekanikal atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.9 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Gas.**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Minyak dan Gas / Kimia atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.10 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Kejuruteraan Penyelenggaraan Loji.**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Penyelenggaraan Fasiliti / Mekanikal / Penyelenggaraan Mesin atau

bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.11 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Pembungkusan dan Rekabentuk.**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Pembungkusan / Bahan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.12 Keutamaan kelayakan Bidang **Herba dan Hasil Semulajadi (Pembuatan).**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Bioteknologi / Biokimia / Bioproses / Kimia atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.13 Keutamaan kelayakan Bidang **Herba Dan Hasil Semulajadi (Pembuatan).**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Kimia / Kimia dan Proses / Bioteknologi / Biokimia atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

1.14 Keutamaan kelayakan Bidang **Herba Dan Hasil Semulajadi (Sains Herba).**

- i. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan Teknologi Farmaseutikal / Kimia / Kimia Industri / Bioteknologi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**2. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29/30 (BAGI JAWATAN NO.2)**

- 2.1 i. Sijil Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,549.00); atau

- ii. Sijil Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,549.00); atau
- iii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,624.20); atau
- iv. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,699.40); atau
- v. Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,784.80); atau
- vi. Diploma dalam bidang Kejuruteraan, Seni bina, Ukur Bahan, Ukur Tanah atau Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,860.00).

## 2.2 Keutamaan kelayakan Bidang **Teknologi Marin**.

- i. Kompetensi *Officer in Charge of An Engineering Watch of 750kW or More Unilimited Trade Voyage* atau setara.

## 3. **PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV19 (BAGI JAWATAN NO.3)**

- 3.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19 : RM1,435.12).



- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DV19 : RM1,493.24).

**4. PENJAGA DANDANG (OPERASI LOJI) GRED H11  
(BAGI JAWATAN NO.4)**

- 4.1
- i. sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
  - ii. Berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan.
5. Pemohon perlu memiliki tubuh badan yang sihat serta tiada rekod kesihatan mental.
6. Pemohon adalah bebas daripada tindakan disiplin atau disabitkan dengan kesalahan jenayah atau penyalahgunaan dadah.

**TARAF JAWATAN**

Tetap / Kontrak

**SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## PERMOHONAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN

1. **Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.**
2. Pemohon hendaklah memohon jawatan berdasarkan kelayakan yang dimiliki **tepat dengan bidang** yang diiklankan.
3. Permohonan hendaklah dibuat secara **dalam talian/online** melalui pautan/*link* yang sah sahaja seperti berikut:
  - a. Portal rasmi **MARA**: [www.mara.gov.my](http://www.mara.gov.my); atau
  - b. Facebook : <https://www.facebook.com/MajlisAmanahRakyat>; atau
  - c. Instagram : <https://www.instagram.com/majlisamanahrakyat>; atau
  - d. Twitter : <https://twitter.com/maragov>.
4. Hanya permohonan dibuat secara **dalam talian/online** melalui pautan/*link* yang sah sahaja akan diterima. Permohonan lewat atau tidak mematuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak.
5. Permohonan akan terbatal sekiranya pemohon didapati memberi maklumat yang salah / tidak benar / manipulasi maklumat dalam borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut akan disemak secara terperinci pada hari temu duga.
6. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.
7. Semakan pengiktirafan kelayakan sijil/diploma/ijazah sarjana muda/ijazah sarjana/ijazah doktor falsafah boleh dibuat melalui laman web Agensi Kelayakan Malaysia iaitu **www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm**.
8. Pemohon yang melepasi saringan sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.

9. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
10. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **31 Disember 2023**.

**PENGARAH  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA  
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA  
21, JALAN MARA  
50609 KUALA LUMPUR**

**“Amanah Rakyat”**